



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 12 MEI 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	TAWAR DISKAUN 50% KADAR KEUNTUNGAN, BISNES, HARIAN METRO, M/S – 27	AGROBANK
2.	SEKTOR PADI UNTUNGAN ORANG TENGAH, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 29	LAIN – LAIN
3.	NELAYAN LEGA PARAS EMPANGAN TIMAH TASOH MENINGKAT, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 29	
4.	PARAS AIR TASIK EMPANGAN TIMAH TASOH MENINGKAT HASIL TANGKAPAN IKAN KEMBALI PULIH, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 20	
5.	PESAWAH ENGGAN AMBIL RISIKO TANAM PADI, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 20	
6.	22 KENA TAHAN JUDI SABUNG AYAM, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 13	
7.	PUNCAK BUKIT TEMPAT SABUNG AYAM DIGEMPUR, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 14	
8.	ANAK PESAWAH PILIH MAKAN GAJI, NEGARA, KOSMO, M/S – 2	
9.	AGRICULTURE AND TOURISM SEEN AS KEY TO SABAH'S DEVELOPMENT, NATION, THE STAR, M/S – 10	
10.	SG JURU POLLUTION DEVASTATES FISHERMEN'S LIVEHOODS, NEWS, NEW STRAITS TIMES, M/S – 8	
11.	TALASEMIA PEMANGKIN KEJAYAAN, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 9	
12.	NELAYAN LEGA HASIL TANGKAPAN MENINGKAT, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 18	
13.	50 PERATUS PESAWAH KELANTAN TANGGUH TANAM PADI, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 18	
14.	SFV HAB AGROPELANCONGAN BERTARAF ANTARABANGSA, BISNES, SINAR HARIAN, M/S – 30	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/5/2026	HARIAN METRO	BISNES	27



PESAWAH gigih memulakan kerja-kerja sebagai persediaan awal bagi musim baharu penanaman padi.

**PAKEJ PINJAMAN MODAL KHUSUS AGROBANK KEPADA PESAWAH**

# Tawar diskaun 50% kadar keuntungan

BERNAMA

Alor Setar

Agrobank bersetuju menawarkan diskaun sebanyak 50 peratus ke atas kadar keuntungan bagi kemudahan pakej pinjaman modal khusus kepada pesawah bagi mengusahakan tanaman padi pada musim akan datang.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, inisiatif itu bertu-

juan meringankan beban kewangan pesawah selain meningkatkan produktiviti serta daya saing sektor pertanian negara.

"Kerajaan amat memahami kesulitan modal yang sedang dihadapi oleh pesawah pada masa ini. Agrobank menyediakan pakej pinjaman modal kepada pesawah dan bersetuju memberikan diskaun 50 peratus ke atas kadar keuntungan bagi pinjaman ini," katanya ketika berucap pada majlis Peluncuran Road To MAHA 2026 Peringkat Zon Utara di

sini, baru-baru ini.

Sementara itu, Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Agrobank Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, diskaun 50 peratus itu menjadikan kadar keuntungan pinjaman berkurangan kepada dua peratus berbanding empat peratus sebelum ini.

Katanya, pakej pinjaman modal berkenaan ditawarkan sehingga RM50,000, namun kebanyakan pesawah lazimnya mengambil antara RM7,000 hingga

RM10,000 bagi mengusahakan kira-kira tiga hektar sawah padi.

"Bagi mengelakkan pesawah kekurangan modal untuk memulakan penanaman padi, mereka boleh mendapatkan pinjaman ini mengikut kelayakan dan membuat bayaran balik selepas musim menuai," katanya.

MAHA 2026 akan berlangsung di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) Serdang dari 28 Ogos hingga 6 September depan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/5/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

# Sektor padi untungkan orang tengah

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB  
hafiz.mutalib@mediamula.com.my

**KANGAR:** Meskipun harga belian padi di Malaysia antara yang tertinggi di Asia Tenggara, pesawah di negara ini masih hidup tertekan.

Ia bukan disebabkan faktor harga belian padi semata-mata, sebaliknya berpunca daripada keseluruhan rantaian ekonomi sektor itu yang lebih banyak menguntungkan orang tengah, pembekal input dan sistem monopoli.

Pengerusi Suara Tani Malaysia, Mohd. Shazwan Suban berkata, faktor atau masalah utama adalah seperti kos pengeluaran terlalu tinggi merangkumi baja, racun, benih, upah mesin, diesel, sewa tanah dan kos membajak yang meningkat mendadak setiap kali musim tanam.

Katanya, jika harga padi naik sekalipun, kos tetap meningkat berkali ganda yang akhirnya menyebabkan untung bersih pesawah semakin mengecil.

Beliau berkata, selain itu, masalah struktur monopoli dan kartel dengan pesawah menjual



**SEORANG** pesawah sedang memotong rumput di batas bendang yang diusahakannya ketika tinjauan di Kangar. **Perlis.** Isu pendapatan dan kos penanaman merupakan masalah yang terus membelenggu pesawah di negara ini.

hasil mentah tetapi keuntungan besar hanya berlaku pada proses kilang, import, pemborongan dan runcit beras.

"Pesawah kerja paling berat, tetapi margin terbesar dinikmati pemain tengah dalam rantaian industri berkenaan. Antara lain, majoriti pesawah juga bukan

tuan tanah dengan ramai hanya menyewa tanah mengusahakan sawah.

"Hasil jualan padi itu pula perlu bahagi dengan tuan tanah, bayar hutang input dan kos operasi yang akhirnya tinggal baki sangat sedikit untuk sara hidup para pesawah yang menyewa itu.

"Selain itu, saiz sawah terlalu kecil dengan kebanyakan pesawah hanya mengusahakan sekitar satu hingga tiga hektar sahaja. Dengan keluasan kecil itu, hasil tidak cukup untuk menjadi pendapatan bulanan yang stabil.

"Lebih malang, apabila

musim padi rosak atau banjir, terus lumpuh. Pesawah juga berdepan hutang dari musim ke musim dengan ramai terpaksa berhutang untuk input sebelum menanam. Bila hasil dituai, duit terus habis bayar hutang kedai, pembekal atau pinjaman," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Sebelum ini, akhbar ini melaporkan, golongan pesawah di negara ini masih menikmati harga belian padi lebih tinggi berbanding kebanyakan negara Asia Tenggara lain.

Malah, harga lantai belian padi RM1,500 per tan metrik termasuk subsidi sehingga RM2,000 adalah lebih tinggi berbanding Thailand dan Vietnam, meskipun kedua-kedua negara itu ialah pengeksport besar, selain memiliki teknologi industri padi lebih maju.

Mohd. Shazwan berkata, pihaknya tidak melihat subsidi boleh menyelesaikan masalah yang telah berakar umbi itu.

Katanya, bantuan secara sekali bayar (one-off) seperti RM200 atau RM300 disifatkan hanya mampu menampal luka sementara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/5/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

## Nelayan lega paras Empangan Timah Tasoh meningkat

**PADANG BESAR:** Nelayan darat di kawasan Empangan Timah Tasoh di sini lega apabila hasil tangkapan kembali stabil, susulan paras air mula meningkat berikutan hujan lebat sepanjang minggu lalu.

Sebelum ini, kebanyakan nelayan darat berdepan kesukaran apabila hasil tangkapan merosot teruk sehingga menjejaskan pendapatan harian mereka.

Zakaria Yusuf, 68, berkata, situasi kemarau tahun ini disifatkan terburuk sepanjang 40 tahun dia bergiat aktif sebagai nelayan di kawasan berkenaan.

“Jika diikutkan, anggaran kasar pendapatan setiap kali turun menangkap ikan boleh mencecah RM1,000 hingga RM2,000. Tetapi pada bulan lepas situasi agak teruk di mana saya hanya dapat jual hasil sekitar RM700 malah tangkapan juga sekitar 10 atau 13 kilogram (kg) sahaja.

“Buat masa ini, kami hanya pasarkan untuk memenuhi keperluan penduduk sekitar dan negeri ini sahaja,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Sebelum ini, cuaca panas melampau di Perlis memberi



**SABRI Muhammad (kiri) dibantu abangnya, Saad Muhammad mengangkat hasil tangkapan mereka di Empangan Timah Tasoh, Padang Besar, Perlis. - UTUSAN/ASYRAF MUHAMMAD**

kesan serius apabila Empangan Timah Tasoh yang menjadi sumber utama bekalan air domestik, pengairan pertanian dan tebatan banjir mengalami penyusutan paras air yang ketara.

Suhu panas mencecah 38 hingga 40 darjah Celsius itu menyaksikan empangan berada pada paras amaran iaitu 26.76 meter, hampir melepasi paras kritikal iaitu 26 meter.

Sementara itu, seorang lagi nelayan darat, Sabri Muham-

mad, 38, turut mengakui hasil tangkapannya meningkat sekitar 60 peratus selepas Perlis kembali hujan.

Katanya, cuaca panas sebelum ini menyebabkan ikan sukar untuk ditangkap di kawasan tebing, biarpun menahan pukut.

“Selepas hujan, barulah keadaan kembali pulih dan sekarang saya boleh dapat dalam 20 ke 30kg hasil tangkapan berbanding hanya 10kg pada bulan lalu,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/5/2026	HARIAN METRO	LOKAL	20

## PARAS AIR TASIK EMPANGAN TIMAH TASOH MENINGKAT

# Hasil tangkapan ikan kembali pulih

**Padang Besar:** Selepas hampir enam bulan bergelut dengan cuaca panas melampau dan kemarau panjang, nelayan darat sekitar Empangan Timah Tasoh kini mampu menarik nafas lega apabila paras air tasik beransur pulih.

Keadaan cuaca yang semakin pulih membolehkan nelayan meraih tangkapan seperti ikan tilapia, lampam, ketutu, jelawat serta udang galah sehingga 60 kilogram (kg) berbanding hanya 10kg ketika musim kemarau beberapa bulan lalu.

Nelayan darat, Zakaria Yusuf, 68, berkata, cuaca panas melampau sejak Disember lalu, dianggap sebagai tempoh terburuk sepanjang hampir 40 tahun dia keluar mencari rezeki di empangan berkenaan.

Katanya, cuaca panas yang berpanjangan itu menyebabkan ikan berada jauh di tengah empangan menyebabkan wujud isu pengangkutan apabila peraih luar tidak dapat masuk mengambil ikan.



SAAD memunggah hasil tangkapan untuk dijual kepada peraih di Empangan Timah Tasoh.

“Kemarau kali ini memang teruk, dapat sekitar 10 hingga 13kg hasil sahaja. Bila dapat ikan, masalah lain pula timbul bila peraih jauh terutamanya dari Kedah tidak dapat masuk kerana faktor pengangkutan.

“Pernah berlaku saya terpaksa membuang ikan yang sudah ditangkap bulan lalu kerana rosak kerana tiada pembeli, kerugian itu saya tanggung sendiri kerana sudah keluaran belanja awal membeli minyak,” katanya ke-

tika ditemui semalam.

Zakaria berkata, perubahan cuaca yang membawa hujan ketika ini mula memberi kelegaan kepada nelayan apabila hasil tangkapan menunjukkan peningkatan ketara.

“Sejak hujan dua tiga hari ini, hasil semakin baik. Sekali turun pukut boleh dapat sekitar 50 ke 60kg ikan, berbaloi dengan modal dan penat lelah kami.

“Jika tangkapan kekal sebegini, saya mampu raih hasil jualan antara

RM1,000 hingga RM1,500 pada bulan ini, namun bergantung kepada keadaan cuaca juga,” katanya.

Perkara sama turut dikongsikan Sabri Mohamad, 38, yang mengakui terdapat peningkatan hasil tangkapan berbanding bulan lalu yang merosot teruk.

“Masa kemarau, air panas menyebabkan ikan tak duduk di tebing kerana banyak lari ke tengah tasik. Memang susah nak dapat ikan walau tahan pukut di banyak tempat.

“Bila cuaca mula hujan, baru ikan semakin ke tebing. Sekali turun memukat boleh dapat 20 hingga 30kg berbanding hanya 10kg ketika kemarau,” katanya yang sudah menjadi nelayan sejak enam tahun lalu.

Sementara itu, seorang lagi nelayan, Saad Muhammad, 56, turut berasa syukur kerana meraih rezeki selepas hujan apabila dapat membawa pulang 60kg hasil darat termasuk ikan tilapia, lampam, ketutu, jelawat serta udang galah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/5/2026	HARIAN METRO	LOKAL	20

## Pesawah enggan ambil risiko tanam padi

**Kota Bharu:** Lebih 50 peratus daripada 7,000 pesawah di Kelantan dijangka tidak dapat menanam padi pada musim pertama tahun ini pada bulan depan, berikutan masalah bekalan air yang disifatkan kritikal susulan kemarau berpanjangan.

Mereka menyifatkan, rumah pam Kemubu 4 yang mula beroperasi Februari lalu masih belum mampu menangani bekalan air kepada pesawah menyebabkan isu bekalan air masih berlarutan.

Pengerusi Persatuan Pesawah Kelantan (PESAK), Zuha Ismail berkata, masalah air yang membeleggu mereka menyebabkan pesawah kini tidak mahu mengambil risiko kerugian.

“Isu penanaman padi kini membabitkan dua faktor iaitu kos meningkat dan masalah bekalan air. Jika kos meningkat namun sekiranya bekalan air tiada masalah, pesawah tetap akan mengusahakan padi seperti biasa.

“Air adalah faktor paling penting dalam penanaman padi dan sekiranya bekalan itu tidak dapat disalurkan, semestinya hasil padi akan merosot dan pesawah akan berdepan kerugian.

“Situasi yang berlaku kini bukan sahaja menyebabkan sawah merekah sebaliknya tali air juga merekah susulan kemarau berpanjangan. Manakala rumah pam Kemubu 4 pula melakukan penggiliran dalam menyalurkan air dan tidak mampu sampai kepada semua kawasan,” katanya ketika dihubungi.

Jelasnya, sekiranya isu berkenaan berterusan sehingga bulan depan dan masih gagal ditangani, sudah tentu lebih ramai yang mengambil keputusan tidak mengusahakan sawah.

“Pada masa sama, kita menyambut baik pendekatan Kerajaan Pusat yang meluluskan pembayaran pendahuluan insentif pembajakan RM200 bagi setiap hektar sawah,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/5/2026	HARIAN METRO	LOKAL	13

## 22 kena tahan judi sabung ayam

**Sungai Buloh:** Polis membongkar kegiatan judi sabung ayam dan menahan 22 lelaki termasuk warga Indonesia di kawasan hutan di Bukit Lagong di sini pada Sabtu lalu.

Serbuan pada jam 4 petang itu dilakukan Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sungai Buloh dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

Difahamkan, lokasi itu turut dipercayai menjadi 'port' pertaruhan judi bola golek dan loteri awam, malah sudah beroperasi kira-kira sebulan lalu.

Seorang tangkapan warga Indonesia disyaki penganjur aktiviti sabung ayam berkenaan.

Difahamkan polis merampas 12 ayam hidup serta seekor ayam yang sudah mati bernilai keseluruhan RM18,000.



POLIS membongkar kegiatan judi sabung ayam di Bukit Lagong, Sungai Buloh.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Sungai Buloh, Superintendan Mohd Hafiz Muhammad Nor mengesahkan operasi menahan 10 warga tempatan dan 12 Indonesia yang berumur antara 20 tahun hingga 70-an.

Katanya, siasatan awal mendapati harga pertaru-

han antara RM500 hingga RM3,000 bagi setiap permainan.

Kes itu disiasat mengikut Seksyen 7(2) Akta Rumah Judi Terbuka 1953, Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 serta Seksyen 32(1) Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan Seksyen 32(2) akta sama.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/5/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	14

# Puncak bukit tempat sabung ayam digempur

Polis tahan 22 lelaki dalam serbuan di Bukit Lagong

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

**SUNGAI BULOH** - Kawasan hutan di Bukit Lagong di sini yang dijadikan tempat judi sabung ayam digempur polis Sabtu lalu.

Serbuan digerakkan Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sungai Buloh dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

Dalam serbuan itu, terdapat cubaan oleh kakijudi untuk melarikan diri, namun tindakan pantas pasukan operasi berjaya menggagalkan cubaan tersebut.

Siasatan awal polis mendapati lokasi terbabit juga dipercayai menjadi port berkumpul untuk pertaruhan judi bola golek dan loteri awam.

Serbuan hasil maklumat dan risikan mendapati lokasi itu dipercayai beroperasi sejak sebulan lalu.

Dalam operasi tersebut, polis merampas 12 ekor ayam hidup dan seekor ayam mati dengan nilai keseluruhan rampasan dianggarkan RM18,000.

Operasi bermula kira-kira jam 4 petang itu berjaya menahan 22 lelaki berusia lingkungan 20 hingga 70-an.

Difahamkan, seorang daripada yang



Polis menahan 22 lelaki dalam serbuan judi sabung ayam di kawasan hutan Bukit Lagong, Sungai Buloh pada Sabtu.

ditahan ialah warga Indonesia yang disyaki menganjurkan aktiviti sabung ayam itu.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Sungai Buloh, Superintenden Mohd Hafiz Muhammad Nor berkata, kesemua yang ditahan terdiri daripada 10 warga tempatan dan 12 warga Indonesia.

"Siasatan awal mendapati nilai pertaruhan antara RM500 hingga RM3,000 bagi setiap permainan," katanya ketika dihubungi pada Isnin.

Kes disiasat di bawah Seksyen 7(2) Akta Rumah Judi Terbuka 1953, Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63, selain Seksyen 32(1) dan Seksyen 32(2) Akta Kebajikan Haiwan 2015.



Polis turut merobohkan lokasi perjudian sabung ayam di lokasi serbuan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/5/2026	KOSMO	NEGARA	2

# Anak pesawah pilih makan gaji

DARI MUKA 1

Katanya, kebanyakan anak pesawah lebih suka bekerja dalam sektor kerajaan atau swasta yang bergaji tetap setiap bulan.

"Saya ada enam anak, empat daripada mereka lelaki. Semuanya sudah bekerja dan berketu-arga. Mereka kerja di pejabat dan sektor swasta, memang tidak mengusahakan bendang."

"Dari awal mereka memang tidak ada pendedahan tentang bendang kerana belajar dan terus bekerja, jadi mereka tidak mengusahakan bendang yang saya usahakan sekarang ini," katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Menurutnya, ketika ini dia mengusahakan kira-kira 3.7 hektar bendang yang sebahagiannya disewa daripada tuan tanah.

"Satu relung bendang (kira-kira 0.29 hektar) boleh dapat antara RM2,000 hingga RM3,000, tetapi selepas ditolak kos, tinggal separuh. Nak bayar sewa sawah lagi, jadi pendapatan bersih tidak banyak."

"Pendapatan diperoleh bukan bulanan, sebaliknya semusim iaitu dalam tempoh enam bulan. Dari segi pendapatan, ia tidak cukup untuk menarik minat orang muda mengusahakan sawah," katanya.

Menurutnya, dia mungkin terpaksa menyewakan bendangnya kepada pesawah lain sekiranya tidak lagi mampu mengusahakan



**SEKTOR penanaman padi sedang mengalami penuaan serius kerana kekurangan pewaris untuk meneruskannya pada masa depan.**

katanya.

Ujarnya, pendapatan boleh menjadi lebih lumayan sekiranya melibatkan kawasan sawah yang luas iaitu kira-kira 14 hektar dan memiliki jentera sendiri.

"Kebanyakan pesawah tidak mempunyai sawah yang banyak, jadi hasil yang diperoleh hanya cukup-cukup makan, lebih-lebih lagi dengan kenaikan kos ketika ini," katanya.

Seorang lagi pesawah di Alor Setar, Isa Ahmad, 67, berkata, tiga anak lelakinya juga tidak mengusahakan sawah kerana bekerja dalam sektor swasta.

"Pada masa ini saya hanya mengusahakan kira-kira 4.3 hektar sawah. Kebanyakan kerja seperti membajak, menabur, meracun dan menuai memang kena upah sahaja kerana semuanya menggunakan jentera dan dron."

"Untung tidak seberapa, kalau terkena serangan penyakit atau banjir, hasil akan merosot dan pendapatan memang akan berkurangan."

"Apabila pendapatan tidak menentu dengan kos meningkat, susah untuk menarik orang muda mengusahakan bendang," katanya.

Menurutnya, dia juga mungkin akan menyewakan tanah sawah kepada orang lain apabila tidak lagi mampu mengusahakannya akibat faktor usia.

"Kalau kerajaan memberi insentif tinggi untuk mengusahakan bendang terutama kepada anak muda dengan pendapatan lebih lumayan, mungkin mereka akan kembali berminat," katanya.

*Kosmo!* semalam melaporkan Malaysia kini berdepan cabaran besar dalam sektor pertanian apabila lebih 70 peratus pesawah di negara ini terdiri daripada golongan berusia 65 tahun ke atas.

Ketua Pengarah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia, Datuk Dr. Mohamad Zabawi Abdul Ghani berkata, isu penuaan petani merupakan antara kekangan utama negara untuk bersaing dengan negara jiran.

Katanya, selain itu faktor kos buruh dan pengeluaran yang tinggi serta keluasan tanah pertanian yang terhad juga menjadi punca masalah dalam sektor ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/5/2026	THE STAR	NATION	10

# Agriculture and tourism seen as key to Sabah's development

By MUGUNTAN VANAR  
 vmugu@thestar.com.my

**KOTA KINABALU:** Sabah remains supportive of initiatives that strengthen agrotourism, empower rural communities, and expand agriculture-linked economic opportunities, says Datuk Joniston Bangkai.

The Assistant Minister to the Chief Minister said such efforts were in line with the Sabah Maju Jaya (SMJ) development agenda, which lists agriculture, tourism and manufacturing as interconnected pillars of growth.

"Agriculture provides the foundation, tourism adds value through visitor experiences and market reach, while manufactur-

ing supports downstream activities and value-added products.

"In this context, agro-tourism represents a natural connection between these sectors," he said when launching the Sabah Leisure Farms and Agricultural Tourism Forum.

At the event, a memorandum of understanding was signed to strengthen agriculture and tourism relations between Sabah and Taiwan through tourism promotion, knowledge exchange and training opportunities.

Meanwhile, Sabah Tourism, Culture and Environment Minister Datuk Jafry Ariffin said the state has revised its tourism strategy amid shifting geopolitical tensions, rising costs and changes

to airline capacity.

He said the planning would be guided by a flexible framework that allows continuous assessment of global developments, mainly those affecting air connectivity and international travel demand.

"We are already seeing these changes impacting airline capacity with route suspensions and reduced frequencies affecting connectivity into Kota Kinabalu.

"We are closely monitoring developments to ensure our tourism planning remains responsive," he said.

Jafry said as of March, tourist arrivals to Sabah are still on track to hit the original target of four million.



**Tourism plan:** Joniston (centre) witnessing the MOU signing ceremony between MASDA president Duane Evans (left) and Taiwan Leisure Farms Development Association CEO Yu Wen Horng (right) in Kota Kinabalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/5/2026	NEW STRAITS TIMES	NEWS	8

INCOMES HALVED

## Sg Juru pollution devastates fishermen's livelihoods

**JURU:** About 100 shellfish farmers and fishermen in Kampung Kuala Juru are increasingly alarmed by the worsening pollution in Sungai Juru, which they say is destroying catches and threatening their livelihoods.

They claimed that their income had declined by more than 50 per cent following repeated deaths of farmed shellfish and fish due to the heavily polluted river.

A recent visit by the Consumers' Association of Penang (CAP) found the river consistently discoloured, with indications of untreated discharge entering the waterway through factory outlets and drainage pipes linked to shrimp farms.

Kuala Juru Fishermen Association chairman Wahid Othman said the crisis had worsened over the past year, particularly after a

waste discharge gate at Sungai Derhaka — which connects to Sungai Juru — was reopened.

He alleged that its reopening coincided with frequent pollution incidents, especially in the mornings, when the river would turn black and emit a strong stench.

"It was never this bad before," he said.

Wahid added that the continued pollution would devastate

the local fishing industry and push many families that depended on the river into financial hardship.

He has called for immediate investigations and action against those responsible for the river contamination.

CAP president Mohideen Abdul Kader said all suspected discharge points along Sungai Juru

should be closed to prevent further pollution.

"This situation is not only an environmental crisis but also a growing threat to food security and the livelihoods of local communities,"

Mohideen also called for financial assistance to be extended to affected fishermen and shellfish farmers.



Supported by the Malaysian Communications and Multimedia Commission

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/5/2026	BERITA HARIAN	NASIONAL	9

# Talasemia pemangkin kejayaan

Penyakit dialami Muhammad Hasan dijadikan semangat mulakan tanaman cendawan tiram

Oleh Rosman Shamsudin  
bhnews@bh.com.my

**Slim River:** Penyakit talasemia yang dihadapi sejak lahir bukan penghalang buat Muhammad Hasan Fikri Muhd Junit, 38, untuk membina kehidupan lebih baik sehingga berjaya muncul sebagai antara usahawan cendawan berjaya di daerah ini.

Pemegang Ijazah Sarjana Muda Mesin Industri dari Universiti Kuala Lumpur itu berkata, minat terhadap bidang pertanian mendorong beliau memulakan perusahaaan tanaman cendawan tiram secara kecil-kecilan di rumah keluarga di Kampung Bantang, di sini.

Pada peringkat awal beliau hanya menggunakan sebuah bilik di rumah yang tidak didiami untuk menempatkan bongkah cendawan tiram sebelum perusahaannya berkembang sedikit demi sedikit.

"Sekitar 2011, saya bersama ahli keluarga berpindah ke sebuah taman perumahan berhampiran pekan Slim River bagi memudahkan arwah kakak, Nur Syakirah menjalankan perniagaan bakeri.

"Arwah meninggal dunia pada 2018 akibat talasemia ketika berusia 34 tahun. Sebelum itu rumah berkenaan pernah disewa



Muhammad Hasan menunjukkan cendawan tiram yang diusahakannya.

kan, namun timbul pelbagai masalah dengan penyewa menyebabkan rumah itu akhirnya dibiarkan kosong," katanya ketika ditemui di Kampung Bantang.

Muhammad Hasan berkata, idea mengusahakan tanaman cendawan datang daripada bapanya, Mohd Junit Anuar, seorang pesara guru yang banyak memberi dorongan selain melihat potensinya sebagai sumber pendapatan.

Katanya, pada permulaan perusahaannya beliau mengusahakan kira-kira 3,000 bongkah cendawan tiram dengan sebuah bilik mampu menempatkan sekitar

1,600 bongkah yang menghasilkan hampir 60 kilogram (kg) cendawan sebulan untuk dipasarkan di sekitar Slim River.

"Walaupun tanaman dibuat dalam rumah, ia langsung tidak menjejaskan struktur rumah kerana sentiasa dijaga dengan baik dan bersih.

"Ramai agak terkejut apabila mengetahui saya menanam cendawan dalam rumah, namun keadaan sentiasa terkawal," katanya.

Menurut beliau, sejak dua tahun lalu kaedah tanaman diubah apabila beliau membina rumah cendawan khas di ruang parkir

**2030 PERAK SEJAHTERA**

kediaman bagi meningkatkan pengeluaran hasil dan memudahkan penjagaan.

Katanya, pembinaan dua rumah cendawan itu direalisasikan selepas menerima Geran Agropreneur Muda (GAM) daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan berjumlah RM20,000.

"Setiap rumah cendawan mampu memuatkan kira-kira 1,500 bongkah, namun saya hanya menggunakan sekitar 1,000 bongkah bagi memudahkan pengurusan dan penjagaan.

"Rumah cendawan ini dilengkapi sistem kawalan suhu seperti alat penyejuk dan kipas bagi memastikan aliran udara sentiasa baik," katanya.

#### Beli bongkah cendawan siap

Beliau yang turut memiliki Diploma Mekanikal dari Politeknik Sultan Azlan Shah berkata, kini beliau memilih membeli bongkah cendawan yang siap dengan benih daripada pembekal di Selangor kerana lebih praktikal serta menjimatkan kos operasi.

Katanya, penghasilan benih sendiri memerlukan proses rumit selain kos yang tinggi serta kesukaran mendapatkan bahan diperlukan.

"Pada bulan pertama, hasil tanaman boleh mencecah kira-kira

100kg sebulan daripada 2,000 bongkah sebelum berkurangan secara berperingkat. Kebiasaannya bongkah mampu bertahan antara tiga hingga lima bulan sahaja.

"Cendawan yang siap dibungkus dijual antara RM12 hingga RM15 sekilogram kepada peniaga sayur, pemilik restoran dan penduduk setempat," katanya yang kini meraih pendapatan kira-kira RM3,000 sebulan.

Muhammad Hasan berkata, meskipun perlu menjalani rawatan berkala termasuk pemindahan darah di hospital di ibu negara, keadaan itu tidak pernah mematahkan semangatnya untuk terus berjaya dalam bidang pertanian.

Katanya, bantuan dan bimbingan diterima daripada FAMA banyak membantu meningkatkan hasil pengeluaran, selain mengubah persepsi masyarakat terhadap tanaman cendawan yang diusahakan sebelum ini di dalam rumah kediaman.

"Saya bersyukur kerana pendapatan kini semakin bertambah selepas menggunakan rumah cendawan selain risiko kerosakan juga dapat dikurangkan," katanya.

FAMA Perak memainkan peranan utama dalam inisiatif Perak Sejahtera 2030, khususnya dalam memastikan keterjaminan makanan dan menggerakkan jualan barangan asas bersubsidi.

Ia cetusan berlawanan dan visi Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad dalam membawa negeri ke arah kemajuan menyeluruh berteraskan kemampuan dan kesejahteraan rakyat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/5/2026	BERITA HARIAN	NASIONAL	18

# Nelayan lega hasil tangkapan meningkat

Paras air Empangan Timah Tasoh beransur pulih selepas kemarau panjang

Oleh Noor Sara Mohamad Hanif  
shnews@bh.com.my

**Padang Besar:** Selepas hampir enam bulan bergelut dengan cuaca panas melampau dan kemarau panjang, nelayan darat sekitar Empangan Timah Tasoh, di sini kini mampu menarik nafas lega apabila paras air tasik beransur pulih.

Keadaan cuaca yang semakin pulih membolehkan nelayan meraih tangkapan sehingga 60 kilogram (kg) berbanding hanya 10kg ketika musim kemarau beberapa bulan lalu.

Nelayan darat, Zakaria Yusuf, 68, berkata cuaca panas melampau sejak Disember lalu, dianggap sebagai tempoh terburuk sepanjang hampir 40 tahun dia keluar mencari rezeki di empangan berkenaan.

Katanya, cuaca panas berpanjangan itu menyebabkan ikan berada jauh di tengah empangan menyebabkan wujud isu pengangkutan apabila peraih luar tidak dapat masuk mengambil ikan.

"Kemarau kali ini memang teruk, dapat sekitar 10 hingga 13kg hasil sahaja. Bila dapat ikan, masalah lain pula timbul bila peraih jauh, terutama dari Kedah tidak dapat masuk kerana faktor pengangkutan.

"Pernah berlaku saya terpaksa membuang ikan yang sudah ditangkap bulan lalu kerana rosak kerana tiada pembeli, kerugian itu saya tanggung sendiri kerana sudah keluaran belanja awal membeli minyak," katanya ketika ditemui semalam.

Zakaria berkata, perubahan cuaca membawa hujan ketika ini memberi kelegaan kepada nelayan apabila hasil tangkapan menunjukkan peningkatan ketara.

"Sejak hujan dua tiga hari ini, hasil semakin baik. Sekali turun pukat boleh dapat sekitar 50 ke 60kg ikan, berbaloi dengan modal dan penat lelah kami.

"Jika tangkapan kekal sebegini, saya mampu raih hasil jualan antara RM1,000 hingga RM1,500 pada bulan ini, namun bergantung kepada keadaan cuaca juga," katanya.

## Sekali memukat 30kg

Perkara sama turut dikongsiakan Sabri Mohamad, 38, yang mengakui terdapat peningkatan hasil tangkapan berbanding bulan lalu yang merosot teruk.

"Masa kemarau, air panas menyebabkan ikan tak duduk di tebing kerana banyak lari ke tengah tasik. Memang susah nak dapat ikan walau tahan pukat di banyak tempat.



Saad menunjukkan hasil tangkapan di Empangan Timah Tasoh, di Padang Besar. (Foto Noor Sara Mohamad Hanif/BH)

"Bila cuaca mula hujan, baru ikan semakin ke tebing. Sekali turun memukat boleh dapat 20 hingga 30kg berbanding hanya 10kg ketika kemarau," katanya yang sudah menjadi nelayan sejak enam tahun lalu.

Nelayan, Saad Muhamad, 56, turut berasa syukur kerana meraih rezeki selepas hujan apabila dapat membawa pulang 60kg hasil darat termasuk ikan tilapia, lampam, ketutu, jelawat serta

udang galah.

"Syukur hari ini dapat banyak hasil juga kerana ikan banyak di tebing. Peraih beli RM4 sekilogram, dapatlah sekitar RM240 untuk belanja dan bayar hutang.

"Jika nak dibanding dengan kemarau beberapa bulan lalu, memang pendapatan kami terjejas teruk kerana ada masa pulang tangan kosong, tetapi bulan ini tangkapan semakin pulih," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/5/2026	BERITA HARIAN	NASIONAL	18

## 50 peratus pesawah Kelantan tangguh tanam padi

**Kota Bharu:** Lebih 50 peratus daripada 7,000 pesawah di Kelantan, dijangka tidak dapat menanam padi musim pertama tahun ini, pada bulan depan berikutan masalah bekalan air kritikal susulan kemarau berpanjangan. Mereka menyifatkan rumah

pam Kemubu 4 yang mula beroperasi Februari lalu belum mampu untuk menangani keperluan bekalan air kepada pesawah menyebabkan isu dihadapi berlarutan.

Pengerusi Persatuan Pesawah Kelantan (PESAK), Zuhra Ismail, berkata rata-rata pesawah me-

ngakui tidak berani mengambil risiko memulakan penanaman sehingga berdepan kerugian selagi masalah air membelenggu.

"Isu padi kini babitkan dua faktor, iaitu kos yang meningkat dan bekalan air. Jika kos meningkat, tetapi bekalan air tiada masalah, pesawah tetap akan mengusahakan padi seperti biasa.

"Air faktor paling penting dalam penanaman padi dan sekiranya bekalan itu tidak dapat disalurkan, semestinya hasil padi akan merosot dan pesawah akan

berdepan kerugian.

"Situasi kini bukan sahaja menyebabkan sawah merekah, sebaliknya tali air juga merekah susulan kemarau berpanjangan. Rumah pam Kemubu 4 pula melakukan penggiliran dalam menyalurkan air dan tidak mampu sampai kepada semua kawasan," katanya ketika dihubungi.

Katanya, jika isu berkenaan berterusan sehingga bulan depan dan masih lagi gagal ditangani, sudah tentu lebih ramai mengambil keputusan tidak mengusa-

hakan sawah.

"Pada masa sama, kita menyambut baik pendekatan Kerajaan Pusat yang meluluskan pembayaran pendahuluan insentif pembajakan RM200 bagi setiap hektar sawah sebagai langkah proaktif mengurangkan beban pesawah susulan kenaikan kos diesel.

"Namun, jika mahu memastikan proses penanaman padi tidak terjejas, usaha bagi menyelesaikan masalah air juga perlu dilakukan seiring," katanya.

### PIL TONIK TECK AUN

Digunakan secara tradisional untuk :

- melegakan sakit pinggang,
- keletihan badan,
- kekurangan tenaga dan
- kekerapan kencing.

INI ADALAH IKLAN PRODUK TRADISIONAL



12 Sachets

INI ADALAH SEDIAAN HERBA



KKLU 3315 / EXP 31.12.2027 MAL1972434T

**EAGLE & PAGODA BRAND TECK AUN MEDICAL FACTORY SDN. BHD.**  
686-686A, JALAN PERINDUSTRIAN BUKIT MINYAK, TAMAN PERINDUSTRIAN BUKIT MINYAK, 14100 BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG, MALAYSIA.  
TEL: 604-5083888 FAX: 604-5086333 SALES: 604-5095555/ADMIN

Pek Mudah



Zuha menunjukkan tali-air ke sawah padi yang kering di Kampung Padang Kala, Kota Bharu.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/5/2026	SINAR HARIAN	BISNES	30

# SFV hab agropelancongan bertaraf antarabangsa

PKPS sasar 150,000 pengunjung tahun ini, eksport produk agro turut diperkukuh

Oleh ASMALIZA MANSOR

**P**erbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) terus memperkukuhkan projek Selangor Fruit Valley (SFV) sebagai hab agropelancongan bertaraf antarabangsa yang mampu merangsang pertumbuhan ekonomi agro dan sektor pelancongan domestik.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PKPS, Datuk Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi berkata, sejak 2021 hingga 2025, SFV berjaya merekodkan seramai 500,000 pengunjung sekali gus mencerminkan peningkatan permintaan terhadap produk pelancongan berasaskan agro, pendidikan dan rekreasi keluarga.

Menurutnya, selain menerima kehadiran pengunjung tempatan, SFV turut menjadi pilihan pelancong antarabangsa termasuk dari United Kingdom, Australia, Rusia, Afrika, China, India, Jepun dan Korea.

"Sebagai destinasi agropelancongan popular di Selangor, SFV merekodkan pendapatan sebanyak RM7 juta pada tahun 2025 melibatkan jualan buah-buahan dan sayur-sayuran, aktiviti agropelancongan, jualan produk ACE serta sewaan tanah kepada usahawan tani.

"Bagi tahun 2025 sahaja, SFV menerima kira-kira 100,000 pengunjung dan kami menasaskan peningkatan kepada 150,000 pengunjung pada tahun 2026 selaras dengan strategi pengembangan sektor agropelancongan negeri," katanya ketika



SFV merekodkan pendapatan RM7 juta pada 2025 melibatkan jualan buah-buahan dan sayur-sayuran, aktiviti agropelancongan, jualan produk ACE serta sewaan tanah kepada usahawan tani.

berucap merasmikan majlis penutup Karnival Cemara Seni 2026 di SFV, Bestari Jaya pada Ahad.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Datin Wan Nor Ashikin Abu Kassim.

Beliau berkata, transformasi yang dilaksanakan PKPS sejak 2021 turut berjaya memperkukuh kedudukan sektor agro negeri sebagai antara penyumbang ekonomi baharu yang semakin berkembang.

Menurutnya, PKPS kini memberi tumpuan kepada pembangunan produk nilai tambah menerusi unit Aissan Global sebagai sebahagian daripada strategi Pelan Transformasi Agribisnis 2026-2030 (SEED 2030).

"Kita bukan lagi hanya bergantung kepada hasil pertanian mentah, tetapi mengembangkan produk siap berasaskan agro untuk dipasarkan ke luar negara.

"Antara perkembangan positif ketika ini ialah rundingan bersama rangkaian pasar raya antarabangsa, Lulu Hypermarket bagi membawa produk PKPS ke pasaran Asia Barat

dan antarabangsa," katanya.

Beliau berkata, pihaknya juga sedang memperkukuh jaringan perniagaan di beberapa negara termasuk Asia Barat dan Eropah sebagai sebahagian daripada usaha memperluaskan eksport produk agro Selangor.

"Kita telah membuka pasaran dan kini sedang berunding untuk mengembangkan operasi perniagaan di luar negara termasuk Eropah. Semua perancangan berjalan lancar dan memberi petunjuk positif kepada pertumbuhan perniagaan PKPS," ujarnya.

Tambah beliau, sektor agro kini mempunyai potensi besar sebagai sektor ekonomi bernilai tinggi sekiranya dibangunkan secara agresif dan bersepadu.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, penganjuran Karnival Cemara Seni 2026 membuktikan SFV bukan sahaja berfungsi sebagai destinasi pelancongan, malah berkembang sebagai platform pembangunan bakat dan kreativiti generasi muda.

Menurutnya, program yang ber-

langsung selama empat hari bermula 7 hingga 10 Mei itu dianjurkan PKPS dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan berjaya menghimpunkan seramai 1,872 murid daripada 275 sekolah di seluruh Selangor.

Tambah beliau, PKPS sebagai organisasi utama dalam industri perladangan dan agromakanan negeri komited menerajui transformasi sektor agro Selangor ke arah ekosistem lebih moden, berdaya saing dan mampan.

Menurutnya, SEED 2030 digerakkan menerusi lima teras strategik yang disokong oleh anak syarikat PKPS termasuk SFV dengan fokus terhadap pengukuhan rantaian bekalan makanan, inovasi agro, pembangunan bakat dan pengembangan ekonomi agro bernilai tinggi.

"SFV bukan sahaja berkembang sebagai destinasi pelancongan, malah turut berperanan sebagai platform pendidikan agro dan pemangkin pembangunan industri makanan negeri," katanya.



MOHAMAD KHAIRIL